

DATE: 15/10/1982

Mahathir kecam Amerika tidak sensitif terhadap negara2 kecil

SUVA(Fiji), 14 Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat kerana tidak sensitif terhadap keperluan ekonomi dan keselamatan negara-negara kecil seperti negara-negara kepulauan di Rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri Malaysia itu mengingatkan sekiranya sikap itu ditinggalkan, negara-negara kecil mungkin memberi perhatian kepada kuasa besar yang lain untuk mendapatkan bantuan bagi memenuhi keperluan mereka.

Katanya, jika hakikat itu benar-benar berlaku, Amerika Syarikat akan mengecam negara kecil tersebut tetapi siapakah yang harus disalahkan kerana Amerika sendiri sentiasa tidak sensitif terhadap keperluan mereka.

Sumber persidangan memberitahu Datuk Sri Dr. Mahathir membuat kecaman tersebut di hari pertama Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel Rantau Asia Pasifik yang dimulakan dengan perbincangan isu politik, hari ini.

Ucapan pembukaan mengenai isu politik ini dikemukakan oleh Perdana Menteri New Zealand, Encik Robert Muldoon.

Sumber persidangan memberitahu, Datuk Sri Dr. Mahathir menegasakan Amerika Syarikat tidak seharusnya meneruskan sikap demikian kerana kiranya negara-negara kecil di rantau ini



Oleh Abdullah Hassan
KETUA PENYUNTING UTUSAN MALAYSIA

sudah naik jelak, mereka mungkin menjemput kuasa lain ke kawasan mereka dan ini akan menggugat keselamatan di lautan rantau sebelah sini.

Keperluan memahami perasaan dan kehendak negara-negara kecil ini adalah dalam konteks konvensyen undang-undang laut di mana Amerika Syarikat sehingga kini masih enggan mengesahkannya.

Menurut konvensyen itu, undang-undang laut tersebut mengesahkan hak mutlak perairan 200 batu dan perairan berkeajaan akan dapat digunakan sepenuhnya untuk mendapatkan hasil dari kekayaannya di dasar laut.

Perlu disebut, konvensyen undang-undang laut

ini boleh dilihat dari dua sudut, pertamanya, dari segi ekonomi kerana boleh meneroka dasar laut 200 batu perairannya dan kedua dari segi strategi keselamatan jika Amerika meneruskan sikap tidak sensitifnya.

Sumber persidangan memberitahu konvensyen undang-undang laut itu perlu ditandatangani segera kerana ia boleh menjamin kekayaan dasar laut boleh dinikmati oleh negara berkenaan dan tidak hanya oleh negara-negara kuasa besar yang mempunyai keupayaan.

Malaysia bimbang, tambah sumber itu, sekiranya keadaan tidak sensitif Amerika itu berterusan, rasa tidak puas

LIHAT MUKA 14

Mahathir kecam Amerika

hati negara-negara kecil boleh dieksploitasikan oleh komunis.

Adalah dipercayai ke-bimbangan yang dilahirkan oleh Malaysia itu adalah juga berdasar kepada hakikat bahawa rantau Asia Pasifik telah menjadi ketegangan antara kuasa-kuasa besar.

Di luar konteks persidangan, sumber itu ber-

kata terdapat beberapa aspek tidak konsisten yang diamalkan oleh Amerika Syarikat iaitu seperti undang-undangnya membenarkan para nelayannya mengejar ikan walaupun hingga masuk ke perairan negara lain.

Menurutnya, itu undang-undang yang terdapat di negaranya tetapi apabila masuk ke perairan

negara lain, undang-undang negara berkenaan mesti dipatuhi.

Perlu juga disebut, Amerika juga enggan mengesahkan Perjanjian Timah Antarabangsa dan pada saat-saat perjanjian itu hendak ditandatangani negara itu telah menjual stok simpanannya yang menyebabkan harga bahan tersebut di pasaran antarabangsa jatuh.